

Maklumat Komoditi : Betik

Sistem Penanaman

Penanaman Di Ladang

Tanaman betik sesuai ditanam di tanah yang mempunyai struktur dan saliran yang baik. Sistem perparitan perlu dibina supaya air tidak bertakung. Kawasan penanaman hendaklah dibersihkan terlebih dahulu daripada segala jenis tumbuh-tumbuhan kerana tanaman betik adalah sangat sensitif kepada persaingan. Dalam keadaan tanah biasa, kawasan penanaman hanya perlu di 'disc plough' sebanyak sekali diikuti dengan "rototiller" atau dibajak sebanyak 2 kali dan disikat sekali. Menabur kapur sebelum menanam adalah digalakkan bagi mendapatkan pH tanah yang optimum bagi tanaman betik iaitu pH 5.0 – 5.5. Bagi kebanyakan tanah di Malaysia, sebanyak 3 hingga 4 tan kapur untuk 1 hektar adalah memadai untuk meningkatkan pH tanah kepada paras tersebut. Kabur ditabur merata sebelum tanah dirotor.

Lubang penanaman sedalam 30 cm x 30 cm x 30 cm digali. Jarak tanaman yang biasa digunakan ialah 1.8 m x 2.7 m, 2.0 m x 2.7 m, 2.0 m x 3.4 m, 3.0 m atau 2.7 m x 3.0 m. Anak benih sesuai diubah ke ladang pada peringkat 8–12 helai daun iaitu 6-8 minggu selepas disemai (Inilah peringkat di mana kecacatan akar paling minimum berlaku akibat kejutan perubahan). Sebelum pokok ditanam, sebanyak 250 gm *Triple Super Phosphate* (TSP) hendaklah dimasukkan ke dalam lubang dan digaul dengan tanah. Tanah di keliling lubang dimasukkan kembali dengan digaulkan dengan TSP yang sedia ada di dalam lubang. Kemudian satu lubang kecil berukuran polibeg digali. Polibeg yang mengandungi anak pokok dikoyakkan dengan berhati-hati supaya tanah di bahagian akar tidak hancur dan perlahan-lahan anak pokok dimasukkan ke dalam lubang. Tanah dilonggokkan di sekeliling kolar pokok dengan paras tanah menutupi 1 ½ cm daripada kolar anak pokok.